



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2004

PINDAAN KADAR IMBUHAN TETAP PERUMAHAN

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan bagi meminda kadar Imbuhan Tetap Perumahan bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan untuk menaikkan kadar Imbuhan Tetap Perumahan bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima imbuhan tersebut pada kadar RM165.00 dan RM135.00 sebulan. Kenaikan ini adalah bertujuan untuk membantu meringankan kos sara hidup pegawai yang terlibat.

PELAKSANAAN

Pegawai Yang Layak

3. Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 hingga 44 dan Kumpulan Sokongan Gred 1 hingga 40 di bawah Sistem Saraan Malaysia adalah layak menerima kadar baru Imbuhan Tetap Perumahan.

Pegawai Yang Tidak Layak

4. Pegawai yang tidak layak kadar baru Imbuhan Tetap Perumahan adalah seperti berikut -

4.1 pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf;

4.2 pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 45 hingga 54; dan

4.3 pegawai dalam perkhidmatan Bomba, Penjara, Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.

Kadar Baru

5. Kadar baru Imbuhan Tetap Perumahan adalah seperti berikut -

5.1 Kumpulan Pengurusan dan Profesional - RM210.00 sebulan
Gred 41 hingga 44

5.2 Kumpulan Sokongan Gred 1 hingga 40 - RM180.00 sebulan

TARIKH KUATKUASA

6. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Januari 2005**.

PEMAKAIAN


7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini maka –

8.1 kadar Imbuhan Tetap Perumahan sebanyak RM165.00 dan RM135.00 di perenggan 2(a), Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 **adalah dibatalkan.**

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

30 Oktober 2004

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan